

17/03/2004

Zainur ramal peluang Keadilan tipis

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR: Bekas Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Zainur Zakaria menyifatkan peluang parti itu untuk memenangi kerusi yang ditandinginya dalam pilihan raya umum kali ini amat tipis.

Peguam yang menjadi calon Keadilan bagi kerusi Lembah Pantai pada 1999 itu berkata, pembangkang juga sukar mencari kelemahan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekarang.

Katanya, sejak Abdullah mengambil alih pemerintahan negara Oktober tahun lalu, Perdana Menteri melaksanakan segala usaha untuk meningkatkan sokongan rakyat terhadap kepemimpinannya.

"Tiada isu besar yang boleh diperjuangkan pembangkang kali ini kerana Perdana Menteri sudah mengambil penekanan penting untuk memerangi gejala rasuah, memperbaiki perkhidmatan agensi dan jabatan kerajaan serta memberi tumpuan kepada isu pendidikan," katanya ketika dihubungi semalam.

Pada Pilihan Raya Umum 1999, Zainur tewas kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang mendapat majoriti 1,417.

Zainur yang juga bekas Pengerusi Keadilan Wilayah Persekutuan, berkata Abdullah juga dapat menangani setiap isu dalaman dengan mengambil tindakan segera sekali gus menyebabkan rakyat dapat menerima cara kepimpinannya.

Selain itu, katanya, beberapa ahli parti pembangkang khususnya Keadilan yang bertindak keluar meninggalkan parti turut memberi kesan kepada kestabilan dan kedudukan pembangkang.

Selepas pilihan raya 1999, Keadilan menyaksikan beberapa pemimpin kanannya bertindak meninggalkan parti itu termasuk bekas Naib Presidennya, Marina Yusoff dan Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar.

Awal tahun ini, 12 pemimpin Keadilan mengisytiharkan keluar daripada parti itu dan menyertai Umno termasuk Pengerusi Perhubungan Keadilan Negeri Sembilan, Ruslan Kassim; Naib Ketua Pemuda Keadilan, Zahid Mat Arip; Timbalan Pengarah Pilihan Raya Keadilan dan juga bekas Naib Ketua dan Setiausaha Pemuda, Hamdan Taha.

Sementara itu, Marina ketika dihubungi berkata, Keadilan dan parti pembangkang lain sudah ketandusan isu serta tidak boleh memainkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana pemecatannya berlaku pada zaman pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pembangkang sukar menggunakan isu itu sekarang kerana Abdullah tidak boleh dipersalahkan berhubung isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Selain itu, katanya, parti itu juga tidak mempunyai pemimpin yang berkaliber dan corak kepemimpinan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hanya lebih bersifat membela nasib suaminya, bukannya untuk kepentingan parti.

"Ramai pemimpin kanan juga sudah bertindak keluar daripada parti dan menyeru mereka yang masih menjadi ahli parti itu agar kembali semula ke pangkal jalan serta menyertai Umno," katanya.